

## KHUTBAH JUMAAT

### "SYURGA SEBAIK-BAIK TEMPAT KEMBALI"

(25 April 2025M/ 26 Syawal 1446H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ، وَأَمَرَنَا  
بِالتَّقْوَى وَالْخُلُقِ الْكَرِيمِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan insan yang lain.

Jagalah adab Solat Jumaat, usahlah bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "**Syurga Sebaik-Baik Tempat Kembali**".

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Salah satu bentuk kebijaksanaan Allah *subhanahu wata'ala* adalah penetapan adanya hari pembalasan bagi sekalian makhluk-Nya iaitu Hari Akhirat. Pada hari tersebut, sekalian manusia akan dibicarakan di padang mashsyar atas setiap kebaikan dan keburukan yang pernah mereka lakukan dalam kehidupan dunia. Seterusnya, mereka akan diberikan ganjaran dan balasan sama ada ditempatkan dalam syurga ataupun neraka. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Mukminun, ayat 115-116:

أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ (١١٥)

**Maksudnya:** *Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?*

Sesungguhnya, beriman kepada adanya syurga dan neraka adalah termasuk dalam beriman kepada hari akhirat. Syurga dan neraka merupakan tempat kembali yang kekal abadi. Syurga disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* bagi mereka yang beriman, bertaqwa, dan taat kepada Allah *subhanahu wata'ala* serta Rasul-Nya *sallallahu alaihi wasallam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Bayyinah, ayat 7 - 8:

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ (٧) جَزَاؤُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ عَدْنٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا أَبَدًا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ۗ ذَٰلِكَ لِمَنْ خَشِيَ رَبَّهُ (٨)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, mereka itulah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah syurga Adn (tempat tinggal yang tetap), yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; kekalah mereka di dalamnya selama-lamanya; Allah reda akan mereka dan merekapun reda (serta bersyukur) akan nikmat pemberian-Nya. Balasan yang demikian itu untuk orang yang takut (melanggar perintah) Tuhannya.*

Manakala neraka pula diciptakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* bagi orang yang kafir dan orang mukmin yang berdosa. Namun, orang mukmin tidak akan kekal di dalamnya dan pasti akhirnya akan masuk juga ke dalam syurga. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Aali Imran, ayat 131:

وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ (١٣١)

**Maksudnya :** *Dan peliharalah diri kamu dari api **neraka**, yang disediakan bagi **orang kafir**.*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di dalam syurga terdapat pelbagai macam kenikmatan yang tidak pernah dilihat oleh mata, tidak pernah didengar oleh telinga, dan tidak pernah terlintas di hati manusia. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( قَالَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أُعِدَّتْ لِعِبَادِي الصَّالِحِينَ مَا لَا عَيْنٌ رَأَتْ وَلَا أُذُنٌ سَمِعَتْ وَلَا خَطَرَ عَلَى قَلْبِ بَشَرٍ ... ))

**Maksudnya:** Allah berfirman (dalam hadis qudsi), Aku telah menyediakan bagi hamba-hamba-Ku yang soleh sesuatu yang belum pernah dilihat mata, belum pernah didengar telinga dan tidak pernah terlintas di benak manusia ...

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Syurga mempunyai peringkat, tingkatan atau darjat yang berlainan dengan kenikmatan yang berbeza-beza. Bermula dari yang rendah hingga yang tertinggi. Syurga yang paling istimewa dan tertinggi ialah Syurga Firdaus. Di bawahnya ialah Syurga Adnin, Khuldi, an-Naim, al-Ma'wa, Dar as-Salam, Dar al-Jalal dan al-Muqam wa al-Qarar. Semuanya bersambung dengan 'Maqam al-Wasilah' agar semua penghuni syurga dapat melihat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Ahli syurga akan ditempatkan di tingkatan yang bersesuaian dengan amal saleh mereka masing-masing. Daripada Sahl bin Sa'ad *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((إِنَّ أَهْلَ الْجَنَّةِ لَيَتَرَاءُونَ الْعُرْفَ فِي الْجَنَّةِ كَمَا تَتَرَاءُونَ الْكَوْكَبَ فِي السَّمَاءِ))

**Maksudnya:** Para penghuni syurga melihat orang yang berada pada taraf yang lebih tinggi daripada mereka sama seperti mereka melihat sebiji bintang di langit (kerana tinggi dan jaraknya yang jauh).

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Para penghuni syurga juga berada dalam kenikmatan yang sentiasa bertambah dan tidak akan berkurang. Daripada Anas bin Malik *radiallahu anhu*, bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya:

(( Di dalam syurga ada sebuah pasar yang dikunjungi orang pada setiap hari Jumaat. Kemudian angin dari arah utara bertiup dan kena pada wajah dan pakaian mereka, lalu mereka menjadi bertambah elok dan cantik. Mereka pun kembali kepada keluarga mereka dalam keadaan bertambah cantik dan tampan. Keluarga mereka pun berkata: "Demi Allah, kamu telah bertambah elok dan cantik." Mereka pun menjawab: "Demi Allah, sejak kami pergi kamu pun telah bertambah cantik dan jelita.))

(Hadis riwayat Imam Muslim)

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kita semua sudah pasti amat berharap agar dimasukkan dalam kalangan ahli syurga oleh Allah *subhanahu wata'ala*. Inilah impian yang sangat mulia dari setiap insan muslim yang beriman akan janji-janji Allah *subhanahu wata'ala*. Sebuah impian yang harus diiringi dengan kerja keras dan pembuktian bahwa diri kita memang layak untuk mendapatkannya. Sebabnya, syurga hanya diperuntukkan bagi mereka yang taat dan sentiasa bertaubat daripada dosadosa. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu*, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

(( كُلُّ أُمَّتِي يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ إِلَّا مَنْ أَبِي. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَمَنْ يَا أَبِي؟ قَالَ: مَنْ أَطَاعَنِي دَخَلَ الْجَنَّةَ، وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ أَبِي ))

**Maksudnya:** Setiap umatku akan masuk syurga kecuali yang enggan, " Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, siapa yang enggan?" Nabi menjawab: "Siapa yang taat kepadaku masuk syurga dan siapa yang mendurhakaiku dialah orang yang enggan.

Antara amalan yang akan memudahkan kita untuk masuk ke dalam syurga ialah :

**Pertama:** Bertaqwa, beramal soleh dan berakhlak mulia. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* katanya:

(( سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم عن أكثر ما يدخل الناس الجنة فقال تقوى الله وحسن الخلق وسئل عن أكثر ما يدخل الناس النار فقال الفم والفرج ))

**Maksudnya:** *Rasulullah sallallahu alaihi wasallam* ditanya tentang perkara yang banyak menyebabkan orang masuk ke dalam syurga, maka baginda bersabda, ((Takwa kepada Allah dan akhlak yang baik.)) Baginda ditanya pula tentang perkara yang banyak menyebabkan orang masuk ke dalam neraka, sabda baginda, ((mulut dan kemaluan)).

(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)

**Kedua:** Menuntut ilmu. Sebabnya, menuntut ilmu akan mempermudah jalan menuju ke syurga.

((... مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ ...))

**Maksudnya:** *Sesiapa yang menempuh jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan bukakan baginya jalan menuju syurga.*

(Hadis riwayat Imam Abi Daud)

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan.

**Pertama** : Setiap manusia akan dibicarakan di padang mashsyar atas segala yang mereka lakukan ketika hidup di dunia untuk dibalas dengan syurga atau neraka.

**Kedua** : Syurga yang penuh dengan kenikmatan dan kebahagiaan disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada hamba-hamba-Nya yang taat dan bertaqwa.

**Ketiga** : Umat Islam hendaklah sentiasa berusaha untuk memperolehi syurga sebagai tempat kembali yang terbaik baginya setelah meninggal dunia.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 107 - 108:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ كَانَتْ لَهُمْ جَنَّاتُ الْفِرْدَوْسِ نُزُلًا

(١٠٧) خَالِدِينَ فِيهَا لَا يَبْغُونَ عَنْهَا حِوَلًا (١٠٨)

**Maksudnya:** *Sesungguhnya orang yang beriman dan beramal soleh, disediakan bagi mereka syurga-syurga Firdaus, sebagai tempat tetamu (yang serba mewah). Mereka kekal di dalamnya, (dan) tidak ingin berpindah daripadanya.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan menunaikan solat fardu secara berjemaah. Pada masa yang sama, pastikan rezeki yang kita peroleh adalah daripada sumber yang halal lagi baik. Suburkanlah rasa hormat dan taat kepada para pemimpin serta kasih sayang sesama masyarakat. Perkukuhkanlah perpaduan ummah demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat di Sarawak. Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, marilah kita memperbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin Islam negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada peraturan dan undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta cemerlang demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit dan kesempitan hidup.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.